

Bagaimana Untuk Memberitahu Seseorang Bahawa Anda Ada Masalah Dadah Dan Perlukan Bantuan ?

- Kenalpasti seorang atau dua individu yang boleh anda percayai atau yang percaya dengan diri anda (ibu, bapa, adik beradik, guru, rakan dan seumpamanya);*
- Cari satu masa yang kedua-dua anda boleh berbincang dan maklumkan bahawa anda ada sesuatu nak beritahu mereka dan anda perlukan bantuan;*
- Maklumkan kepada mereka bahawa anda telah menggunakan dadah, nyatakan sejak bila anda gunakan dadah, di mana anda mendapatkan/ membeli dadah, apakah jenis dadah yang anda gunakan, dengan siapa anda gunakan, dan yang paling penting sekali ialah maklumkan bahawa anda berniat nak berhenti dan perlu bantuan mereka;*
- Jikalau orang yang anda percayai ini bukan ibu atau bapa, minta bantuan mereka untuk bersama-sama dengan anda apabila anda memberi tahu ibu bapa anda;*
- Minta bantuan mereka membawa anda ke klinik C&C 1Malaysia untuk didaftarkan sebagai pesakit di sana.*